



# 'Rumahku lembah ilmu'

Minat membaca dorong Zamri jadikan kediaman umpama sebuah perpustakaan

Lengkap... Pencarian buku menggunakan sistem komputer.

■ SYAMILAH ZULKIFLI

**B**agi sesetengah keluarga, menjadikan percutian dengan melawat tempat-tempat bersantai sebagai salah satu cara menghabiskan masa bersama-sama keluarga di masa lapang.

Namun, berbeza bagi percutian keluarga Zamri Misman, 43, apabila dia sekeluarga pasti akan mengunjungi mana-mana perpustakaan dan muzium di mana negeri atau negara dilawati.

Mungkin kelihatan seperti membosankan, namun bagi

Zamri, minat membaca yang turut dikongsi bersama isterinya, Nor Azzah Momin, 43, sudah sebatu dalam diri sehingga menjadikan tempat-tempat yang boleh memberi ilmu pengetahuan kepadanya sebagai tempat yang wajib dikunjungi.

Cintanya kepada buku turut dibawa ke dalam rumah apabila ruang tamu kediaman mereka di Nilai Impian di Nilai, disusun dengan rak berisi kira-kira 2,500 jenis buku dari bahan bacaan ringan hinggalah berat.

Malah, mereka turut mewujudkan *My Little Library* di luar pagar rumah bagi memberi galakan kepada orang ramai untuk turut minat membaca.

### Impian sejak kecil

Zamri yang bekerja sebagai Pegawai Tinggi Diplomatik berkata, sudah menjadi impiannya sejak kecil untuk mewujudkan ruang membaca sendiri di rumah.

"Memang sejak kecil saya minat membaca dan bertuahnyanya saya kerana minat ini dikongsi bersama isteri dan anak-anak.

"Bermula di universiti, saya simpan buku sedikit demi sedikit dan bila sudah bekerja, saya mesti



NOR AZZAH



ZAMRI

peruntukan sedikit duit gaji untuk beli buku.

"Kalau dulu kami hanya menyimpan buku-buku dibeli di rak biasa. Tapi lama kelamaan, buku itu semakin bertambah.

"Saya sudah habiskan RM20,000 untuk mengubah suai bahagian ruang tamu menjadikannya sebagai ruang membaca," katanya.

Menurutnya, tidak hanya di rumah, malah minat membaca juga di bawa keluar apabila mereka sekeluarga tidak akan melepaskan peluang mengunjungi perpustakaan atau muzium

di mana-mana negara atau negeri yang dilawati, walaupun kebanyakan orang menganggapnya tempat tersebut sebagai membosankan.

Kata Zamri, pesta buku antara yang dinanti mereka setiap tahun dan dia sanggup berhabis ribuan ringgit untuk dirinya, isteri dan anak-anak membeli buku diminati.

"Jika orang lain sanggup habiskan duit untuk beli kayu golf, tapi saya akan beli buku. Boleh dikatakan koleksi buku yang kami agak lengkap dan ada pelbagai genre," katanya.

Zamri turut beranggapan dia





“Bermula di universiti, saya simpan buku sedikit demi sedikit dan bila sudah bekerja, saya mesti peruntukan sedikit duit gaji untuk beli buku. Kalau dulu kami hanya menyimpan buku-buku dibeli di rak biasa. Tapi lama kelamaan, buku itu semakin bertambah. Saya sudah habiskan RM20,000 untuk mengubah suai bahagian ruang tamu menjadikannya sebagai ruang membaca.”

- Zamri

dan keluarganya sebagai *bibliophile*, membawa maksud orang yang gilakan buku.

“Dalam kereta saya pun bersepah dengan buku-buku kerana sudah saya terapkan pada anak-anak supaya ke mana-mana pun perlu membawa buku,” katanya.

#### Setiap buku dilabel

Bagi memudahkan mereka mencari buku yang disimpan di rak, Nor Azzah yang bekerja sebagai pustakawan di Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) mengambil inisiatif melabel semua buku-buku dengan menggunakan standard seperti di perpustakaan.

Malah, ia mudah dicari

menerusi sistem komputer yang dibuat sendiri Nor Azzah dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel*.

“Kalau saya ada masa terluang saya akan buat label ini sedikit demi sedikit dan anak-anak akan membantu. Suami pula rajin mengemas dan menyusun buku-buku di rak.”

“Masa mula-mula dulu kami hanya menggunakan sistem buku log. Semua buku-buku yang ada akan direkodkan di dalam buku log, tapi sekarang lebih mudah” katanya.

Nor Azizah berkata, pernah dahulu dia dan suami melanggan lebih 15 judul majalah dan sekarang ia sudah dijilidkan.



Zamri dan Nor Azzah sentiasa mengisi masa lapang dengan membaca.

#### Ada orang derma buku

Paling menggemblirakan Nor Azzah, ada jiran-jirannya yang bermurah hati menderma buku dan kadangkala ada longgokan buku di depan rumahnya yang tidak diketahui siapa meletakkannya.

“Macam kemudahan *My Little Library* ini, di luar negara sudah menjadi kebiasaan. Tapi di negara kita ia masih baru.

“Saya nampak sejak kami buat

pada hujung bulan tahun lepas, ada yang singgah membaca. Paling saya tak sangka, buku-buku ini tidak pernah dicuri atau hilang,” katanya.

Bagi Zamri pula menjadi hasratnya supaya idea mewujudkan *My Little Library* ini diperluaskan dan dia gembira apabila Usim bercadang mewujudkan 10 lokasi di dalam kampusnya.

“Pemaju perumahan pun saya cadangkan supaya wujudkan

kemudahan ini di taman-taman perumahan yang akan dibangunkan.

“Begitu juga kerajaan negeri yang boleh ambil idea ini menubuhkannya di kawasan kampung, khususnya di Nilai yang tiada kemudahan perpustakaan awam. Dengan cara inilah kita dapat memberi galakan dan tarikan kepada orang ramai untuk membaca,” katanya.



Nombor siri buku yang dibuat sendiri Nor Azzah.



Rak buku di ruang tamu rumah mereka yang penuh dengan buku pelbagai judul.